

Pencemaran punca ikan mati

Penduduk dakwa aktiviti kilang berhampiran jadi faktor penyumbang

PULAU CAREY - Penduduk Pulau Carey dikejutkan dengan ribuan ikan di Sungai Langat mati terdampar di tebing sungai sehingga menjejaskan pendapatan nelayan.

Ahli Majlis, Majlis Daerah Kuala Langat, E Munusamy berkata, kejadian yang berlaku sejak lima hari lalu itu memberi kesan kepada pendapatan nelayan sehingga sebahagiannya terpaksa pulang dengan tangan kosong.

Menurutnya, beliau mendakwa terdapat beberapa kilang haram di kawasan itu yang membuang sisa toksik sehingga menyebabkan ikan-ikan di Sungai Langat mati.

"Kejadian ini pernah berlaku sebelum ini tetapi tiada tindakan dilakukan walaupun perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab.

"Selain itu, bahan-bahan beracun berkenaan turut men-

“ Selain itu, penduduk dan nelayan di sini mengharapkan kerjasama pihak berkenaan turun padang memantau aktiviti kilang di kawasan berhampiran agar masalah ini tidak berterusan dan mengganggu-gugat pendapatan nelayan.”

Muniandy

jejaskan hidupan laut yang lain sekali gus mengurangkan jumlah spesies yang ada,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Munusamy berkata, beliau juga pernah melihat sendiri ada pihak yang melakukan letupan di tengah laut untuk mengambil jalan mudah menangkap hasil laut.

"Keadaan ini merisaukan seluruh penduduk terutama nelayan yang hanya mencari rezeki melalui laut dan sungai.

"Ahli Majlis MDKL juga telah beberapa kali membawa

perkara ini ke dalam mesyuarat namun perkara yang sama masih berulang," katanya.

Seorang penduduk, M Muniandy berkata, sebelum ini kejadian ikan-ikan terdampar di tebing sungai pernah berlaku tetapi tidaklah serius seperti ini.

"Tidak dinafikan sebelum ini pernah berlaku kejadian yang sama tetapi tidaklah sampai berhari-hari ianya berulang.

"Kemungkinan besar, pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan ketika



Seorang penduduk menunjukkan sebahagian ikan yang mati.

musim cuti dan cuba menjalankan aktiviti perniagaan mereka ketika ini.

"Selain itu, penduduk dan

nelayan di sini mengharapkan kerjasama pihak berkenaan turun padang memantau aktiviti kilang di kawasan berhampir-

an agar masalah ini tidak berterusan dan mengganggu-gugat pendapatan nelayan," katanya.